



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 3, March 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru

**Azlin Ariffin @ Riffin<sup>1</sup>, Muhamad Suhaimi Taat<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Azlin Ariffin @ Riffin ([azlinkb@gmail.com](mailto:azlinkb@gmail.com))

#### Abstrak

Bahasa Arab adalah salah satu daripada tiga bahasa utama di dunia yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap murid dan pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dijalankan terhadap 200 orang pelajar di Sekolah Rendah di Sabah. Instrumen yang dijalankan adalah menggunakan borang soal selidik dan set ujian bertulis. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar ( $r=0.210$ ,  $p<0.05$ ) dan pengajaran guru ( $r=0.229$ ,  $p<0.05$ ) dengan penguasaan Bahasa Arab. Selain itu, analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor min bagi variabel sikap pelajar adalah pada tahap sederhana (3.37) dan begitu juga persepsi pelajar bagi pengajaran guru (3.56). Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan maklumat berguna untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah.

**Kata kunci:** bahasa Arab, penguasaan, sikap, pengajaran guru

### Arabic Language Competency: Its Relationship to Pupil's Attitude and Teacher's Teaching

#### Abstract

Arabic is one of the three major languages in the world that plays an important role in human history and civilization. Therefore, the purpose of this study is examine the relationship between pupil attitude and teacher teaching with Arabic language proficiency among students. This survey study was conducted on 200 students at the Primary School in Sabah. The instrument used are the questionnaire and Arabic test. The data were analyzed using SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) software by employing descriptive and inferential data analysis (Pearson correlation). The study found that there was a significant relationship between student attitude ( $r = 0.210$ ,  $p < 0.05$ ) and teacher teaching ( $r = 0.229$ ,  $p < 0.05$ ) with Arabic proficiency. In addition, descriptive analysis shows that the mean scores for student attitude variables are at the moderate level (3.37) and so are the students' perceptions of teacher teaching (3.56). It is hoped that this study will provide useful information for improving the teaching and learning of Arabic subjects in schools.

**Keywords:** Arabic language, competency, attitude, teachers' teaching

## **Pengenalan**

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada tiga bahasa utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Pengkaji sejarah telah menambah dua lagi bahasa menjadikan kesemuanya lima bahasa utama yang telah memberi sumbangan besar dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Cina Kuno, bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Greek dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hanya Bahasa Arab yang masih digunakan dan terus berkembang sehingga kini (Abd. Razak Abu Chik, 2007).

Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid Melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan murid-murid dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah ini.

## **Kajian Literatur**

### ***Penguasaan Bahasa Arab***

Bagi mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik, murid-murid sepatutnya menunjukkan sikap yang selari dengan minat mereka seperti membaca bahan bahasa Arab, mendengar perbualan dalam bahasa Arab, mencari maklumat dalam bahasa Arab melalui kemudahan internet dan tidak ketinggalan berkomunikasi dengan mereka yang memiliki kemampuan bertutur bahasa Arab di bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di kafe dan sebagainya (Ab. Halim & Wan Mohamad, 2006). Oleh itu, perubahan sikap yang negatif kepada sikap positif adalah penting untuk menjamin kejayaan seseorang itu dalam menguasai bahasa Arab. Justeru, satu kajian wajar dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran asas bahasa Arab.

Menurut Jasmi (2002) bahasa Arab sebagai satu model program j-QAF merupakan bahasa asing di Malaysia. Namun kedudukannya adalah berlainan berbanding bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa kedua. Oleh itu, pengamalan bahasa Arab dalam kehidupan adalah terhad dan terbatas dalam sistem pendidikan formal sahaja, ditambah pula dengan murid-murid yang bersifat pasif dan guru yang jarang berkomunikasi dalam bahasa Arab (Rosni, 2009). Kesannya, murid-murid aliran agama kini tidak mampu untuk menulis atau membaca di dalam bahasa Arab dengan baik apatah lagi untuk bertutur dengan lancar. Tahap penguasaan murid sentiasa menjadi ukuran kepada keberhasilan proses pembelajaran yang dilaksanakan. Hal ini kerana PdPc yang berkesan dapat membantu murid untuk meningkatkan prestasi dan membentuk sikap positif dalam pembelajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Zamri (2012), guru memainkan peranan penting untuk memastikan tahap penguasaan murid berada pada tahap optimum.

Penguasaan bahasa Arab bukanlah sesuatu yang mustahil dilaksanakan bagi para pelajar yang mempunyai cita-cita yang mulia ini. Mengetahui strategi dan pendekatan yang efektif adalah langkah bijak untuk menuju puncak merealisasikan impian ini (Wan Azura, Lubna, Arnida & Ahmad Pangidoan, 2006). Isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan Bahasa Arab Tinggi (P&P BA & BAT) adalah amat rencam dan pelbagai ragam. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab di kalangan murid-murid Melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Satu perkara biasa dalam pembelajaran bahasa adalah terdapat murid-murid yang sentiasa berjaya berbanding murid-murid lain (Song 2004). Kejayaan ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Contohnya, kemajuan mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang baik dalam ujian bahasa.

Oleh itu, satu kajian perlu untuk dijalankan bagi meneliti sikap pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dan amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru bahasa Arab. Dengan melihat aspek sikap murid-murid dan pengajaran guru, dapatan diharapkan mampu mencari penyelesaian untuk membantu murid-murid supaya dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih telus dan bermakna. Kajian ini juga turut dibuat untuk mencari dan mengenal pasti faktor yang boleh mendorong kepada penguasaan bahasa Arab yang baik.

### ***Sikap Murid***

Menurut Lundsteen (2001), kesungguhan untuk memperbaiki penggunaan pelajar terhadap bahasa dan pencapaian tidak hanya bergantung pada penggunaan bahan pandang-dengar dan guru, tetapi guru juga perlu memahami sikap pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi mereka. Oleh itu, sikap dan motivasi mampu memberi impak terhadap tahap pencapaian mereka sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi. Dalam pada itu, motivasi juga memberi sumbangan kepada peningkatan penguasaan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran lain.

Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha. Sikap dibentuk dari pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau fenomena (Robbins, 2002). Persepsi murid-murid terhadap sesuatu mata pelajaran akan membentuk sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Kebiasaannya sikap seringkali dikaitkan dengan kemajuan dan kegagalan murid-murid dalam mata pelajaran tertentu. Sikap negatif seperti membenci dan memandang rendah kepada sesuatu bahasa menyukarkan pembelajaran bahasa kedua (Nur Hayati, 2002). Hal ini kerana murid yang menggunakan sikap yang negatif akan menggunakan strategi yang kurang berkesan dalam pembelajaran bahasa kedua. Kurangnya pendedahan kepada bahasa kedua menyebabkan murid mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa tersebut.

Kajian oleh Ab.Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2003), bertajuk Antara Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Ke atas Pelajar Bachelo Bahasa Arab Di IPTA Malaysia. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5). Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Dapatan kajian ini, telah mendapati minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah tinggi. Tetapi para pelajar tidak menunjukkan sikap yang selari dengan pengkhususan mereka.

Sikap pelajar juga antara masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shaharuddin, 2014). Kajian Ishak Baba (2009) membuktikan faktor sikap mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran. Antara sikap pelajar yang paling banyak dikesan adalah pasif di dalam kelas. Pelajar tidak memberi respon kepada pengajaran guru dan hanya menunggu serta mendengar sahaja apa yang disampaikan oleh guru.

### ***Pengajaran Guru***

Kaedah pengajaran adalah perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam menyampaikan sesuatu pengajaran khususnya pengajaran bahasa Arab, penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik adalah elemen yang sangat penting. Perkara ini dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan. Tambahan pula, pengajaran yang berkualiti disampaikan oleh guru yang mempunyai keupayaan pedagogi yang tinggi juga turut menyumbang kepada prestasi dan penguasaan pelajar (Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, 2014).

Dalam mempelbagaikan konsep pengajaran, guru boleh mengaplikasikan bahan bantu mengajar yang dapat menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik dan dapat menimbulkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru adalah platform untuk memudahkan guru memberi kefahaman kepada pelajar dalam pengajarannya. Penyataan tersebut disokong oleh dapatan kajian yang diperolehi oleh Tan & Carol (2013) di mana penggunaan alat bantu mengajar memberi impak yang positif dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar dapat memperjelaskan pengajaran guru dan berupaya menambahkan kelancaran pengajaran mereka (Kamaruddin Hj. Husin, 2015). Contohnya, jika komputer dapat digunakan secara sistematik dan bekesan oleh guru, maka ia akan mampu menyelesaikan sebarang masalah pengajaran dan pembelajaran. Situasi tersebut disokong oleh Heinich (2016) yang menyatakan bahawa komputer dapat mempelbagaikan teknik pengajaran. Kepelbagaian penggunaan alat bantu mengajar dalam membantu pelajar dalam memahami pelajaran dengan lebih menyeluruh. Alat bantu mengajar merupakan jendela pengetahuan bagi pelajar. Semakin banyak alat bantu mengajar yang digunakan, maka semakin mudah dan mantaplah proses pembelajaran.

## Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid.
- ii. Untuk mengenal pasti sikap pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab.
- iii. Untuk mengenal pasti persepsi murid bagi pengajaran guru.
- iv. Untuk mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab murid.
- v. Untuk mengenal pasti hubungan antara pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab murid.

## Hipotesis Kajian

$H_0^1$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab murid.

$H_0^2$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab murid.

## Metod Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti sikap murid, pengajaran guru dan penguasaan Bahasa Arab murid. Ini merupakan satu kajian tinjauan berlandaskan pendekatan kuantitatif yang menggunakan pakai set soal selidik dan set ujian sebagai instrumen kajian. Instrumen-instrumen tersebut menunjukkan nilai kesahan yang baik iaitu analisis faktor menunjukkan setiap item menunjukkan nilai faktor muatan melebihi 0.40. Nilai kebolehpercayaannya juga adalah tinggi dengan nilai alpha Cronbach melebihi 0.70. Kajian ini melibatkan seramai 200 orang sampel yang dipilih secara rawak mudah dari kalangan murid-murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah di Bahagian Pantai Barat Utara Sabah, bagi memberikan peluang secara adil kepada semua individu dalam pemilihan untuk menjadi sampel kajian. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan juga analisis inferensi (korelasi Pearson).

## Dapatan Kajian

### *Penguasaan Bahasa Arab*

Tahap penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Arab menunjukkan tahap penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, menunjukkan majoriti responden berada pada tahap cemerlang iaitu seramai 72 orang (36%) dan diikuti dengan tahap baik iaitu seramai 56 orang (28%). Bagi tahap sederhana menunjukkan 52 orang (26%) dan diikuti dengan tahap lemah iaitu 13 orang (6.5%). Kemudian tahap sangat lemah mencatatkan 7 orang (3.5%) dalam mata pelajaran bahasa Arab. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid adalah berada pada tahap sederhana (min=3.865, SP=1.087).

Jadual 1: Tahap Penguasaan Murid-Murid

Tahap Penguasaan	Kekerapan	Peratusan
Sangat Lemah	7	3.5
Lemah	13	6.5
Sederhana	52	26.0
Baik	56	28.0
Cemerlang	72	36.0
Jumlah	200	100.0

### Sikap Pelajar Bagi Bahasa Arab

Jadual 2 menunjukkan taburan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item sikap pelajar. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap sederhana ( $M=3.37$ ,  $SP=0.451$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa responden menunjukkan pelbagai reaksi untuk variabel ini. Berdasarkan dapatan, majoriti responden tidak pasti dengan “*Saya lebih suka pembelajaran yang dilaksanakan secara chalk and talk kerana lebih menjimatkan masa*” (58.5%). Terdapat juga responden sangat bersetuju dengan “*Saya berasa gembira kerana dapat membantu rakan-rakan dalam melaksanakan segala aktiviti dan kerja secara berkumpulan*” (49%). Walau bagaimanapun terdapat juga responden sangat tidak bersetuju dengan “*Saya rasa sangat malas untuk melakukan sebarang aktiviti dalam kelas ia hanya membuang masa*” (45%). Bagi pernyataan “*Saya berasa gembira kerana dapat membantu rakan-rakan dalam melaksanakan segala aktiviti dan kerja secara berkumpulan*” mencatatkan min yang tertinggi ( $M= 4.135$ ,  $SP=1.068$ ) iaitu bersetuju dengan dapatan tersebut dan “*Saya rasa sangat malas untuk melakukan sebarang aktiviti dalam kelas ia hanya membuang masa*” mencatatkan min yang terendah ( $M=1.995$ ,  $SP=1.105$ ) iaitu sangat tidak bersetuju dengan dapatan tersebut.

Jadual 2: Taburan skor bagi setiap item sikap murid-murid

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Saya berasa seronok kerana dapat melakukan pelbagai aktiviti ketika sesi pembelajaran	12 (6%)	39 (19.5%)	22 (11%)	40 (20%)	87 (43.5%)	3.755	1.346
Saya begitu teruja untuk melibatkan diri ketika sesi pembelajaran dilaksanakan	10 (5%)	25 (12.5%)	35 (17.5%)	86 (43%)	44 (22%)	3.645	1.106
Saya rasa sangat malas untuk melakukan sebarang aktiviti dalam kelas ia hanya membuang masa	90 (45%)	47 (23.5%)	43 (21.5%)	14 (7%)	6 (3%)	1.995	1.105
Saya menjadi lebih berani dalam pembelajaran Bahasa Arab kerana sentiasa dibimbing dan tidak dipandang rendah oleh guru	13 (6.5%)	23 (11.5%)	45 (22.5%)	72 (36%)	47 (23.5%)	3.585	1.157

Saya berasa gembira kerana dapat membantu rakan-rakan dalam melaksanakan segala aktiviti dan kerja secara berkumpulan	4 (2%)	19 (9.5%)	21 (10.5%)	58 (29%)	98 (49%)	4.135	1.068
Saya rasa senang sekali ketika belajar kerana sering diberi peluang dalam menyelesaikan sesuatu masalah	8 (4%)	22 (11%)	57 (28.5%)	85 (42.5%)	28 (14%)	3.515	0.997
Saya lebih suka pembelajaran yang dilaksanakan secara 'chalk and talk' kerana lebih menjimatkan masa	12 (6%)	43 (21.5%)	117 (58.5%)	18 (9%)	10 (5%)	2.855	0.853
Saya akan rasa kecewa jika tidak dapat berkongsi pendapat sendiri ketika sesi perbincangan dilakukan	17 (8.5)	32 (16%)	53 (26.5%)	43 (21.%)	55 (27.5%)	3.435	1.278
Saya berpuas hati sekiranya dapat mengaitkan topik yang diajar dengan pengalaman terdahulu	20 (10%)	26 (13%)	58 (29%)	43 (21.5)	53 (26.5%)	3.415	1.281
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.37</b>	<b>0.451</b>

### Pengajaran Guru

Jadual 3 menunjukkan taburan skor kekerapan dan peratusan bagi setiap item pengajaran guru. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap sederhana ( $M=3.561$ ,  $SP=0.553$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa responden menunjukkan pelbagai reaksi terhadap pengajaran guru. Berdasarkan dapatan, majoriti responden tidak pasti dengan “Guru mengumpulkan pelajar berdasarkan kebolehan sesuatu kemahiran” (45.5%). Ini diikuti dengan “Guru memastikan ketepatan isi kandungan pelajaran” (44.5%). Terdapat juga responden sangat bersetuju dengan “Guru menyampaikan isi pelajaran dengan jelas” (39%) dan diikuti dengan “Guru banyak memberi latihan kepada pelajar”. Bagi pernyataan “Guru menyampaikan isi pelajaran dengan jelas” mencatatkan min yang tertinggi ( $M= 3.95$ ,  $SP=1.128$ ) iaitu tidak pasti dengan dapatan tersebut dan “Guru mempraktikkan pelajar cepat memahami konsep serta menguasai kemahiran asas” mencatatkan min yang terendah ( $M=3.225$ ,  $SP=1.261$ ) iaitu tidak pasti dengan dapatan tersebut.

Jadual 3: Taburan skor bagi setiap item pengajaran guru

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran	21 (10.5%)	14 (7%)	36 (18%)	55 (27.5%)	74 (37%)	3.735	1.308
Guru sentiasa mengaitkan isi pelajaran dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lepas	8 (4%)	14 (7%)	51 (25.5%)	69 (34.5%)	58 (29%)	3.775	1.067



Guru menggunakan pelbagai alat bantu mengajar	8 (4%)	26 (13%)	49 (24.5%)	73 (36.5%)	44 (22%)	3.595	1.089
Guru memastikan ketepatan isi kandungan pelajaran	20 (10%)	19 (9.5%)	89 (44.5%)	29 (14.5%)	43 (21.5%)	3.28	1.195
Guru memantau kemajuan pelajar	18 (9%)	22 (11%)	45 (22.5%)	42 (21%)	73 (36.5%)	3.65	1.313
Guru memantau kefahaman pelajar	26 (13%)	15 (7.5%)	45 (22.5%)	65 (32.5%)	49 (24.5%)	3.48	1.295
Guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik	13 (6.5%)	29 (14.5%)	87 (43.5%)	39 (19.5%)	32 (16%)	3.24	1.09
Guru menyampaikan isi pelajaran dengan jelas	11 (5.5%)	11 (5.5%)	33 (16.5%)	67 (33.5%)	78 (39%)	3.95	1.128
Pengajaran guru dapat menarik minat untuk terus belajar	10 (5%)	19 (9.5%)	55 (27.5%)	71 (35.5%)	45 (22.5%)	3.61	1.088
Guru banyak memberi latihan kepada pelajar	13 (6.5%)	29 (14.5%)	32 (16%)	50 (25%)	76 (38%)	3.735	1.281
Kesemua isi pelajaran dalam sukatan pembelajaran atau buku teks telah diajar oleh guru	17 (8.5%)	15 (7.5%)	68 (34%)	48 (24%)	52 (26%)	3.515	1.198
Guru mempraktikkan pelajar cepat memahami konsep serta menguasai kemahiran asas	27 (13.5%)	30 (15%)	44 (22%)	69 (34.5%)	30 (15%)	3.225	1.261
Guru memastikan pelajar mempunyai sikap mahu belajar	9 (4.5%)	16 (8%)	35 (17.5%)	61 (30.5%)	79 (39.5%)	3.925	1.138
Guru mengumpulkan pelajar berdasarkan kebolehan sesuatu kemahiran	13 (6.5%)	23 (11.5%)	91 (45.5%)	49 (24.5%)	24 (12%)	3.24	1.023
Guru mengumpulkan pelajar berdasarkan penguasaan sesuatu kemahiran	18 (9%)	25 (12.5%)	78 (39%)	38 (19%)	41 (20.5%)	3.295	1.189
Guru memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran asas	17 (8.5%)	15 (7.5%)	47 (23.5%)	57 (28.5%)	64 (32%)	3.68	1.235
Guru perlu memberikan ganjaran kepada pelajar yang berusaha mencapai kejayaan	30 (15%)	15 (7.5%)	39 (19.5%)	58 (29%)	58 (29%)	3.495	1.374
Guru perlu memberikan pujian kepada pelajar yang berusaha mencapai kejayaan	13 (6.5%)	22 (11%)	45 (22.5%)	57 (28.5%)	63 (31.5%)	3.675	1.211
Guru perlu memberikan denda kepada pelajar yang malas belajar	28 (14%)	17 (8.5%)	40 (20%)	42 (21%)	73 (36.5%)	3.575	1.412
Min Keseluruhan						3.561	0.553

### ***Hubungan Antara Sikap Murid dengan Penguasaan Bahasa Arab***

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara sikap murid dengan penguasaan Bahasa Arab. Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan lemah serta signifikan antara sikap murid-murid dengan penguasaan Bahasa Arab ( $r=0.210$   $n=200$   $p=0.003$ ). Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid-murid dengan penguasaan Bahasa Arab. Oleh itu, hipotesis nul pertama ditolak.

Jadual 4: Korelasi Antara Sikap Murid dengan Penguasaan Bahasa Arab

	Faktor	Sikap
Penguasaan	Pearson Correlation	0.210**
	Sig. (2-tailed)	0.003
	N	200

### ***Hubungan Antara Pengajaran Guru dengan Penguasaan Bahasa Arab***

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab. Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan lemah serta signifikan antara pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab ( $r=0.229$   $n=200$   $p=0.001$ ). Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab. Oleh itu, hipotesis nul kedua ditolak.

Jadual 5: Korelasi Antara Pengajaran Guru dengan Penguasaan Bahasa Arab

	Faktor	Efikasi sendiri
Penguasaan	Pearson Correlation	0.229**
	Sig. (2-tailed)	0.001
	N	200

### **Perbincangan**

Dapatan jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid-murid dengan penguasaan bahasa Arab. Sikap positif seperti rajin belajar dan berusaha serta menunjukkan minat yang mendalam dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Arab, ianya akan menjadi platform untuk murid-murid menguasai mata pelajaran tersebut dengan cemerlang. Sikap yang positif akan memberikan output yang memberangsangkan. Dalam memupuk sikap yang positif dalam diri murid, sokongan daripada guru, ibu bapa serta rakan adalah penting supaya mereka terus bersemangat dalam menimba ilmu.

Dalam pembelajaran bahasa Arab, aspek sikap pelajar dan pengajaran guru ini adalah perkara penting yang sering dikaitkan dengan kejayaan dan pencapaian murid-murid. Perkara ini ada disebutkan oleh Mohd Fadzli Ismail (2012). Beliau mengatakan bahawa sikap pelajar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam bahasa Arab selain faktor guru. Anida (2003) juga menyatakan bahawa kemahiran berbahasa boleh didapati apabila sikap dan minat pelajar terhadap bahasa Arab dapat ditingkatkan. Ghazali Yusri et al. (2010) menegaskan bahawa guru adalah individu yang sangat berpengaruh dalam menentukan kejayaan mahupun kegagalan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Terdapat banyak kajian yang mengatakan bahawa aspek pengajaran guru ini berperanan besar dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa Arab. Sebagai contoh, Abdul Rahim dan Hayazi (2010) menegaskan bahawa guru perlu perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada pelajarnya dengan BBM yang mampu membantu kefahaman dan menolong pelajar ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Selain itu, Mastura Arshad (2012) juga mengatakan kepelbagaian strategi pengajaran bahasa Arab akan mampu meningkatkan kebolehan bahasa dalam kalangan pelajar.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Zamrah (2015), sikap positif dapat melahirkan insan manusia yang cemerlang dan berwawasan. Azrul (2014) pula menyatakan bahawa salah satu kejayaan murid dalam bidang pembelajaran adalah menerusi pembentukan sikap belajar, di mana sikap tersebut mempunyai hubungan yang erat dengan tanggungjawab untuk belajar memahami dan menyelesaikan



tugasan yang diberikan oleh guru. Seseorang murid yang bertanggungjawab terhadap pembelajarannya akan sentiasa menyiapkan tugas yang diberikan, sentiasa hadir ke kelas, bersemangat untuk belajar serta sentiasa berusaha dalam pelajarannya (Kamaruddin, 2014). Sikap positif yang ditunjukkan akan memberikan impak yang positif dalam pembelajaran dan penguasaan murid serta dapat meningkatkan pencapaian murid.

## Kesimpulan

Dalam memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid, satu usaha dan langkah perlu difikirkan dalam menghasilkan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Perkara ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab yang mantap dan cemerlang. Dapat dilihat secara jelas bahawa aspek pengajaran berperanan besar dalam menjana kejayaan pembelajaran bahasa Arab. Justeru, tenaga pengajar perlu memainkan peranan mereka untuk menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Kualiti pengajaran mampu dihasilkan sekiranya guru bijak dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik. Selain itu, pengetahuan luas dan aplikasi ilmu pedagogi akan menjamin kegemilangan proses pembelajaran bahasa Arab.

Sebagai seorang guru, kita haruslah dapat meningkatkan diri dengan pelbagai teknik dan kaedah mengajar agar pengajaran yang dilaksanakan tidak membosankan dan menarik minat murid-murid. Selain dari itu sebagai seorang guru, kita harus memperbanyakkan ilmu pengetahuan agar dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Guru juga haruslah bijak, kreatif dan inovatif dan bijak menyelesaikan masalah khususnya di dalam kelas supaya suasana pembelajaran lebih kondusif dan efektif.

## Rujukan

- Ab. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong, (2006). *“Antara Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Bachelar Bahasa Arab di IPTA Malaysia”*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (siri 5). Bangi. Pusat Penerbitan dan Percetakan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Rahim Ismail. (2004). *Al-lughah al-cArabiyyah: Dawruha wa makānatuha fi alhādir wa al-mustaqbal*. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad. (pnyt.), *al-Hadhārah*, hlm. 135-144. UKM: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam.
- Abdul Rahim, H., & Hayazi, M. Y. (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru*, Johor. Universiti Teknologi Malaysia, 1-8.
- Abd Razak bin Abu Chik (2007). *Memperkenalkan Bahan Bahasa Arab Yang Menarik dan Khidmat Bimbingan Secara Percuma*. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban.
- Agatha Francis Umbit, Muhamad Suhaimi Taat. 2016. *The Effects Of Expectations And Satisfaction Towards E-Learning Among Students*. *Journal Of Modern Education Review*. Jil. 6. 9.603-611.
- Anida Abd.Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, K.Lumpur.
- Azrul Azlan (2014). *Satu tinjauan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mata pelajaran lukisan kejuruteraan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Elver Fazly Charlie, Fiffy Hanisdah Saikim, Muhamad Suhaimi Taat. (2017). *Students' Interpretation and Commitment Of Conservation Contents Based On School Context*. *Transaction On Science And Technology*, 4(2), 157-165.
- Ghazali Yusri, and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Parilah M. Shah, (2010) *Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2), 5-33.

- Gladys De Rozario, Muhamad Suhaimi Taat. (2015). The Influence Of Learning Environment And Academic Self-Efficacy Towards Mathematics Achievement In Masterskill Global College, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*, 1, 43-53.
- Heinich, R. (2016). The use of computers in education: A response to streibel. *ETCJ*, 36.
- Ishak Baba. (2009). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Uthm. *Geran Jangka Pendek*.
- Jaggil Apak, Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3.(4), 6-22.
- Jaggil Apak, Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(3), 64-79.
- Jasmi Amin. (2002). Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dari sudut pembacaan dan penulisan: Satu kajian terhadap murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hamat (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran: Satu tinjauan di kalangan pelajar pengajian kejuruteraan jentera di dua buah sekolah menengah teknik di Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin Hj Husin (2015). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Khalid Abdulkaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018). The Use of the Discussion Method at University: Enhancement of Teaching and Learning. *International Journal of Higher Education*, 7(6), 118-128
- Khalid Abdulkaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. (2018). The Impact of Using The Lecture Method on Teaching English at University. *European Journal of Education Studies*, 4(5), 285-301
- Lundsteen, S. W. (2001). *Listening: Its impact at all levels on reading and the other language arts*. 2nd Ed. Illinois: National Council of Teachers of English.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shaharuddin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu ' uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51-61.
- Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-dasar umum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia* [General principles of Arabic Language teaching in Malaysia]. In Mohd. Rosdi Ismai & Mat Taib Pa (Eds.), *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia* [The teaching and learning of the Arabic Language in Malaysia]. (Kuala Lumpur: University Malaya publications.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan antara kualiti guru Bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Azman Jongkulin, Roslee Talip, Muhamad Suhaimi Taat. (2019). Pendidikan Inklusif: Efikasi Kendiri Guru Prasekolah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 4(7), 87-95
- Mohd. Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012) *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan di Smap Kajang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazni Muhammad, Roslee Talip, Muhammad Suhaimi Taat. 2019. Pengaruh Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta di Sabah. *Jurnal Ilmi*, 9, 102-119
- Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah. (2014). The Influence Of Attachment Styles On Students's Self Directed Learning. *International Interdisciplinary Journal Of Scientific Research*, 1, 1-5.
- Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip. (2014). Motivasi Sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran Dan Bimbingan Guru Dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan Model SEM/AMOS. *Sains Humanika (UTM)*, 1, 127-132.
- Muhamad Suhaimi Taat & Agatha Francis. (2020). Factors Influencing The Students' Acceptance Of E-Learning At Teacher Education Institute: An Exploratory Study In Malaysia. *International Journal Of Higher Education*, 9(1), 133-141

- Muhamad Suhaimi Taat, Gladys De Rozario. (2014). The Influence Of Academic Attitude And Self-Efficacy Towards Students Achievement In Private Higher Learning Institution, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*, 1, 41-50.
- Nur Hayati Abdullah. (2002). Sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Dewan Bahasa. Mei.
- Nurzahra Binti Othman, Roslee Bin Talip, Muhammad Suhaimi Bin Taat. (2018). Kepentingan Penyeliaan Klinikal Terhadap Kompetensi Jururawat di Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan Dan Sains Kesihatan*, 2(1), 93-104.
- Robin L. Walton. (2002). *A Comparison of Perceived Stress Levels and Coping Styles of Junior and Senior Students in Nursing And Social Work Programs*. Marshall University Huntington, West Virginia.
- Rosni Samah (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tan Choon Keong dan Carol Abu. (2013). Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. ANjuran Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A.Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. (2006). Pendekatan Dan Starategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Zamrah Yaacob (2015). Satu kajian mengenal pasti faktor-faktor kelemahan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.